KK/BPKS/10/700-2/1/3(18)

KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

PINDAAN KE ATAS PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 2004

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2004 berkenaan Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan dan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 berkenaan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan berhubung had pembelian RM500 di bawah Objek Sebagai 27000.

LATAR BELAKANG

2. Lampiran 1 kepada PP Bil. 5 Tahun 2004 (Panduan Penggunaan Penjenisan Kod Hasil Dan Perbelanjaan) menyatakan bahawa Objek Sebagai (OS) 27000 bertujuan untuk merekodkan perbelanjaan semua bekalan dan bahan-bahan selain daripada bekalan bahan-bahan makanan dan minuman, bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan sendiri yang disenaraikan di bawah OS 25000 dan 26000.

3. Mengikut PP Bil. 5 Tahun 2004 tersebut, perbelanjaan yang diambilkira di bawah OS 27000 perlu mematuhi salah satu kriteria di bawah iaitu:

- **Barang-barang Luak (*expendable items*)**

  Semua pembelian barang-barang luak yang disenaraikan tanpa mengambilkira harga setiap unit.

- **Barang-barang Tak Luak (*non-expendable items*)**

  i. Hanya pembelian barang-barang tak luak yang berharga kurang daripada RM500 setiap unit; atau

  ii. Berharga RM500 atau lebih setiap unit tetapi tidak disenaraikan sebagai harta modal di bawah OS 34000 atau 35000.

4. Manakala PP Bil. 5 Tahun 2007 mentakrifkan "inventori" sebagai aset alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) setiap satu dan tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual.

PINDAAN

5. Bagi menyelaraskan perbezaan had nilai di kedua-dua Pekeliling tersebut, maka perenggan berkaitan barang-barang luak (*expendable items*) dan barang-barang tak luak (*non-expendable items*) di bawah OS 27000 dalam Lampiran 1 kepada PP Bil. 5 Tahun 2004 **dipinda** seperti berikut:

- **Barang-barang Luak (*expendable items*)**

  Semua pembelian barang-barang luak tanpa mengambilkira harga setiap unit.

- **Barang-barang Tak Luak (*non-expendable items*)**

  i. Hanya pembelian barang-barang tak luak yang berharga kurang daripada RM1,000 setiap unit; atau

  ii. Berharga RM1,000 atau lebih setiap unit dan tidak disenaraikan di bawah OS 34000 atau 35000.

6. Selaras dengan ini, perenggan berkaitan kod OS 27000 (Bekalan dan Bahan-bahan Lain) di Lampiran 2 kepada PP Bil. 5 Tahun 2004 (Jadual Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan) **dipinda** seperti berikut:

> " Tujuan – merekodkan perbelanjaan bagi pembelian semua bekalan dan bahan-bahan selain daripada bekalan dan bahan-bahan yang disenaraikan di bawah OS 25000 dan 26000. OS 27000 ini merangkumi pembelian barang-barang luak tanpa mengambilkira harga setiap unit dan pembelian barang tak luak yang berharga kurang daripada **RM1,000** setiap unit. OS ini juga termasuk pembelian barang-barang tak luak yang berharga **RM1,000 atau lebih** setiap unit dan tidak disenaraikan di bawah OS 34000 atau 35000. Harga belian adalah termasuk kos pengangkutan."

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa dengan serta-merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

19 Mei 2011

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pegawai Kewangan Negeri